

22 JAN 2002

Mahfuz-Pasti

MAHFUZ NAFI PASTI TERLIBAT SEMAI BUDAYA BENCI KERAJAAN

ALOR SETAR, 22 Jan (Bernama) -- Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar hari ini menafikan yang pusat asuhan tunas Islam (Pasti) kelolaan parti itu terlibat dalam menyemai budaya membenci kerajaan.

Beliau berkata sepanjang pengetahuannya, tiada pusat seumpama itu di seluruh negara yang menanam sifat membenci kerajaan dan pemimpin tertentu kepada kanak-kanak dalam setiap pengajaran dan pembelajaran.

"Oleh itu, saya mempelawa sesiapa sahaja menjadi penuntut di Pasti bagi mencari bukti yang pusat berkenaan menjadi tempat menyemai budaya terbabit," katanya ketika dihubungi Bernama.

Mahfuz berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan kerajaan yang mungkin melarang PAS daripada mengendalikan pusat seumpama itu sekiranya budaya mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan terus berleluasa.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kajian akan dibuat sama ada untuk memperkenalkan undang-undang baru atau meminda yang sedia ada bagi mengawal pembukaan taman asuhan kanak-kanak Islam (Taski) dan taman didikan kanak-kanak (Tadika) agar matlamat penubuhannya tidak diselewengkan.

Mahfuz meminta Dr Mahathir tidak membuat tuduhan tanpa mengemukakan sebarang bukti yang menunjukkan penglibatan PAS dalam perkara itu.

"Sebarang tuduhan mesti dikemukakan bersama bukti dalam bentuk visual dan dokumen. Jadi saya sarankan sesiapa sahaja yang menjadi penuntut Pasti itu membawa kamera video," katanya.

Katanya tidak boleh menjadi bukti sekiranya terdapat kanak-kanak yang belajar di Pasti bersikap membenci kerajaan apabila balik ke rumah masing-masing.

"Sesiapa saja boleh bersikap macam itu. Tidak semestinya kanak-kanak itu belajar di Pasti yang menyebabkan dia bersikap demikian kerana belajar di tempat lain pun boleh bersikap begitu. Itu biasa.

"Kita ada buku teks dan kertas soalan peperiksaan. Saya minta Dr Mahathir tunjukkan muka surat mana yang dikenalpasti sebagai menghasut kerajaan dan membencinya," katanya.

Mahfuz turut menjelaskan bahawa PAS hanya mengendalikan Pasti dan bukannya Taski atau Tadika.

Beliau mendakwa tuduhan terhadap PAS itu dibuat sebagai langkah untuk memulihkan imej kerajaan dan cuba memburukkan imej Pasti yang selama ini membawa imej baik kepada PAS.

Tindakan menutup Pasti adalah satu penganiayaan kepada pelajar dan penduduk setempat di samping menjadikan guru-guru yang mengajar di situ sebagai pengganggu, katanya.

-- BERNAMA

MAN RON